

14 JAN 2003

Koh-Formula/I

RAKYAT PERLU CARI IDEA BARU, KATA DR KOH

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Rakyat negara ini perlu belajar melihat sesuatu daripada sudut pandangan yang baru kerana ia mungkin merupakan formula untuk terus berjaya dalam politik atau dunia perniagaan.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata rakyat sewajarnya mendapat inspirasi daripada keupayaan dan kesediaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa mencari idea baru yang merupakan kekuatan kepada sistem politik Malaysia selain kemampuan untuk mencapai kata sepakat.

"Ini telah menggalakkan rakyat Malaysia, politik dan ahli perniagaan, melihat sesuatu daripada sudut berbeza dan cara baru," katanya pada Persidangan Tinjauan Strategik Malaysia 2003 di sini hari ini.

Walaupun wujud ketidaktentuan, Malaysia ternyata telah menikmati kestabilan sejak merdeka, katanya.

"Inilah lambang Barisan Nasional (BN) dengan politik bersepadu, kerjasama dan persetujuan yang merupakan formula kemenangan yang penting, yang tidak sahaja memastikan kemenangan dalam pilihan raya malah kemenangan untuk rakyat.

"Ia merupakan sistem yang ada sekatan dan imbalan dengan kami mengambil kira kepentingan komuniti yang berbeza," katanya.

Beliau berkata hakikat terdapat masyarakat yang membangkitkan "rasa tidak gembira" di kalangan mereka membuktikan bahawa kerajaan tidak bersikap berat sebelah atau prejudis ketika membuat keputusan.

Beliau berkata Gerakan lebih banyak melihat kepada sudut pandangan Malaysia ketika menangani isu-isu parti dan berharap ia akan mencetuskan pemikiran yang sama di kalangan parti komponen BN.

"Kami tidak akan berkata bahawa kami berharap untuk memainkan peranan penting, tetapi pendekatan kami kepada isu-isu politik merupakan satu pendekatan yang boleh menyemarak dan memberi motivasi kepada golongan muda supaya berfikir secara berlainan."

Koh berkata sudah banyak perubahan berlaku dalam politik Malaysia.

"Terdapat perubahan pertumpuan dengan pendekatan bukan komunal dan perkauman dalam politik dan itulah keadaan hari ini. Fokus adalah lebih kepada isu prinsip daripada etnik semata-mata."

Koh berkata Umno juga sudah menjadi parti pelbagai kaum dengan Bumiputera bukan Melayu dan Bumiputera bukan Islam di Sabah manakala MCA telah mengumumkan bahawa partitu akan menerima anggota yang ibu bapa mereka terdiri daripada kaum Cina.

Mengenai persaingan antara Gerakan dan MCA sejak 1970-an, Koh berkata ia wajar dilihat sebagai perselisihan adik-beradik.

"Ada masa ruang menjadi semakin sempit dan mereka mula menyepak orang lain dan ada yang terlalu ghairah tetapi akhirnya sebab kewarasan akan mengatasinya." katanya.

Koh berkata yang penting, tiada siapa yang lupa dengan tanggungjawab masing-masing kepada BN serta rakyat.

-- BERNAMA

WNZ AHH JK LAT